



Bil. 2 | Edisi November-Disember 2014



National Innovation Conference And
Exhibition 2014 (NICE 2014)



Malam Anugerah Inovasi Negara (AIN)



Bioteknologi Jana Pertumbuhan
Bioekonomi



2014 Top Research Scientists Of
Malaysia

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT :

YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur
Ketua Setiausaha

KETUA PENGARANG :

Alice Suriati Mazlan
Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENGARANG :

Normaizatul Akmal Tujad
Norlida Mohd Ibrahim
Melatie Aziz
Norizan Jamali
Amil Fathi Mohamad Nordin

FOTO :

Mustafa Kamil Mokhtar
Foto sumbangan jabatan/agensi

TERBITAN :

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA

Tel : 03 - 8885 8141

Faks : 03 - 88903092

Email : norlidaibrahim@mosti.gov.my

Laman Web : www.mosti.gov.my

NO. ISSN : 2289-8182

KEKERAPAN :

2 Bulan Sekali

NASKHAH PERCUMA



KANDUNGAN

Bioteknologi Jana Pertumbuhan **3**
Bioekonomi

2014 Top Research Scientists Of **4**
Malaysia

Pelancaran Buku : Blueprint For The **4**
Establishment Of Rare Earth Based
Industries In Malaysia

Cyber Security Malaysia Award, **5**
Conference & Exhibition (CSM—ace
2014)

National Innovation Conference And **6**
Exhibition 2014 (NICE 2014)

Malam Anugerah Inovasi Negara (AIN) **7**

Lensa MOSTI **8**

Latih Amal Tsunami Sandakan 2014 **10**

Majlis Apreasiasi Jabatan Kimia **11**
Malaysia

Program Kimia Ke Desa

StAr Award 2014

SIRIM Perkuuh Teknologi
Pengukuran

Bengkel Latihan Bioetika

Festival Sains 2014

Program Mesra Bersama
Generasi Orang Asli

Karnival Coaching and Mentoring

TPM & JKM Perkuuh
Pembangunan dan
Pengkomersilan Produk Inovasi

MOSTI Terokai Ekosistem
Gerbang Teknologi

Tahun 2014 diwarnai dengan pelbagai program yang dijalankan di peringkat kementerian mahupun di peringkat jabatan/agensi. Tahun 2014 juga telah melakar satu sejarah yang tersendiri apabila MOSTI mengumumkan tahun itu sebagai Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 atau lebih dikenali sebagai MCY 2014. Inisiatif ini telah membawa kejayaan apabila MOSTI mengisytiharkan 65 produk berjaya dikomersilkan berbanding sasaran asalnya iaitu 60 produk. Pengistiharaan Teknologi dan Inovasi dalam National Innovation Conference and Exhibition (NICE2014) yang merupakan acara kemuncak MCY 2014. Tahniah MOSTI dan semua warganya yang terlibat!

Selamat tahun baru 2015 juga diucapkan kepada semua warga MOSTI dan diharapkan tahun 2015 akan memberi lembaran baru yang lebih gemilang dalam usaha memacu transformasi melalui sains, teknologi dan inovasi.

MEJA PENGARANG

BIOTEKNOLOGI

JANA PERTUMBUHAN BIOEKONOMI



"Kita kini menghampiri ke arah Fasa III Dasar Bioteknologi Negara; strategi yang lebih agresif diperlukan untuk merangsang dan mengekalkan pertumbuhan menjelang 2020."

YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak
Universiti Malaya, 19 November 2014



Pada hari perasmianya,
sebanyak enam kerjasama
telah berjaya dijalankan
dengan nilai pelaburan lebih
daripada RM250 juta



2014

TOP RESEARCH SCIENTISTS OF MALAYSIA

Akademi Sains Malaysia (ASM) menganjurkan malam Penganugerahan Fellowship dan pengumuman '2014 Top Research Scientists of Malaysia' pada 8 Disember 2014 di JW Marriott, Kuala Lumpur.

PELANCARAN BUKU

'BLUEPRINT FOR THE ESTABLISHMENT OF **RARE EARTH** BASED INDUSTRIES IN MALAYSIA'



Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur pada 8 Disember 2014 telah melancarkan penerbitan terbaru Akademi Sains Malaysia (ASM) - 'Blueprint for the Establishment of Rare-Earth Based Industries in Malaysia'. Buku ini memaparkan kepentingan nadir bumi yang dilihat menjadi semakin penting dalam ekonomi global terutamanya dalam pengeluaran pelbagai produk gajet selain menunjukkan kecekapan tenaga boleh diperbaharui.


"Inisiatif pengkomersilan tertentu boleh dipertingkatkan melalui pembangunan rangka tindakan yang memberi gambaran lebih jelas mengenai perancangan dan strategi yang perlu dicapai dalam sektor-sektor yang berpotensi. Oleh itu, pelancaran 'Blueprint for the Establishment of Rare-Earth Based Industries in Malaysia', yang dilengkapi dengan 'Summary for Policy Makers', adalah pada masa yang tepat. Kerajaan percaya bahawa 'nadir bumi' akan memainkan peranan penting dalam industri hijau yang telah dikenal pasti sebagai salah satu pemacu utama yang berpotensi dalam ekonomi kita" kata Dato' Sri Dr. Noorul Ainur dalam ucapannya.



Majlis diserikan dengan kehadiran YAB Dato 'Sri Mohd Najib yang turut dianugerahkan Fellow Kehormat ASM bagi tahun 2014 - bagi mengiktiraf sokongan padu beliau sejak memegang jawatan Perdana Menteri khususnya dalam bidang sains dan teknologi sebagai nadi kepada program transformasi ekonomi.

Bagi Penganugerahan Fellowship, Fellow Kanan yang dilantik, dianggap sebagai 'ahli akademik' dan layak untuk menggunakan gelaran Fellow Akademi Sains Malaysia (FASc). Individu-individu cemerlang ini dipilih melalui proses pemilihan yang ketat berdasarkan kerja yang luar biasa, komitmen, kesungguhan dan kreativiti mereka dalam salah satu daripada enam bidang, iaitu: Perubatan dan Sains Kesihatan; Kejuruteraan dan Sains Komputer; Biologi, Pertanian dan Sains Alam Sekitar; Matematik, Fizik dan Sains Bumi; Sains Kimia; Sains dan Teknologi-Pembangunan dan Industri.

Dua Fellow Kanan cemerlang dan 21 Fellow diiktiraf tahun ini untuk diberi penghormatan atas sumbangan dan kepimpinan mereka dalam bidang masing-masing yang telah berjaya meletakkan Malaysia di barisan hadapan dalam kelompok masyarakat saintifik antarabangsa. Pengumuman dan penyampaian sijil '2014 Top Research Scientists of Malaysia' telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



**CyberSecurity
MALAYSIA**

CSM-ace
**CYBER SECURITY MALAYSIA
AWARDS, CONFERENCE &
EXHIBITION**
2014



CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan serta sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menganjurkan acara Cyber Security Malaysia - Award, Conference & Exhibition (CSM-ACE) 2014 pada 10 hingga 14 November 2014 bertempat di Casuarina@Meru Ipoh, Perak. CSM-ACE 2014 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, turut hadir ialah YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bertemakan 'Ekosistem Yang Diyakini Dan Dijamin Selamat', CSM-ACE mendorong pertumbuhan e-perniagaan, menjadi benteng dari cabaran keselamatan siber pelbagai dimensi sama ada ancaman sedia ada maupun yang akan datang, meningkatkan kebolehpercayaan dan ketahanan infrastruktur penting, menjamin privasi, proses perniagaan dan misi kerajaan dengan lebih berkesan.

Dalam program ini, turut diadakan ialah Majlis Penyampaian Anugerah Keselamatan Siber Malaysia (Malaysia Cyber Security Awards) 2014 bersekali dengan Santapan Malam Gala. Dalam majlis ini, CyberSecurity Malaysia telah menyampaikan tujuh kategori anugerah keselamatan siber bagi menghargai sumbangan organisasi serta individu dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) amnya, dan keselamatan siber khususnya.

Penyampaian anugerah diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah.



Bertemakan 'Ekosistem Yang Diyakini Dan Dijamin Selamat', CSM-ACE mendorong pertumbuhan e-perniagaan, menjadi benteng dari cabaran keselamatan siber pelbagai dimensi sama ada ancaman sedia ada maupun yang akan datang...



Majlis Perasmian Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan 2014 (NICE2014) telah berlangsung pada 31 Oktober 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Dengan tema ‘Teknologi Memperkasa Inovasi’, NICE2014 menyasarkan penyertaan daripada pelbagai sektor dan lapisan masyarakat seperti sektor industri, sektor awam, penerima-penerima dana MOSTI, penyelidik, pelajar – pelajar IPT dan pengangurannya juga merupakan majlis kemuncak serta penanda aras prestasi pelaksanaan MCY2014.

Program yang berlangsung selama tiga hari iaitu 31 Oktober hingga 2 November terbahagi kepada empat (4) komponen utama iaitu Persidangan Inovasi, Pameran dan Penjualan Produk Inovasi dan R&D anak watan, Sesi Padanan Perniagaan (Business Matching) dan Malam Anugerah Inovasi Negara.

Dalam majlis yang sama turut dilancarkan penggunaan logo MOSTI bagi produk-produk R&D yang mendapat pembiayaan dana MOSTI. Penggunaan logo MOSTI ini adalah sebagai tanda pengiktirafan juga nilai tambah kepada penjenamaan produk R&D MOSTI yang telah menyempurnakan proses penyelidikan. Produk-produk yang mempamerkan logo MOSTI ini juga akan mendapat laluan mudah bagi sebarang proses penambahbaikan pada masa hadapan termasuk inisiatif pemasaran dan promosi. Ini merupakan salah satu usaha MOSTI menyakinkan rakyat bahawa produk R&D anak watan adalah berkualiti dan setanding dengan produk-produk R&D luar negara.



IDEATION



DEVELOPMENT



COMMERCIALISATION

MALAM ANUGERAH INOVASI NEGARA (AIN)



MOSTI telah menganjurkan Malam Anugerah Inovasi Negara (AIN) bersempena dengan Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE 2014) di PWTC pada 1 November 2014. Majlis telah diserikan dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia untuk menyampaikan anugerah kepada pemenang. AIN mula diperkenalkan oleh MOSTI pada tahun 2006.

AIN bertujuan merangsang idea-idea untuk meningkatkan inovasi dalam kalangan rakyat bagi penciptaan produk atau perkhidmatan yang mampu memberikan nilai tambah dan berpotensi untuk dikomersilkan. Selain AIN, beberapa anugerah lain turut disampaikan pada malam tersebut iaitu Anugerah Saintis Muda Negara, Anugerah Juruteknologi Negara dan MIMOS Prestigious Award.



Kategori Perkhidmatan

- Lolimex (Lower Limb Exerciser) - Unit Pemulihan Hospital USM, Kubang Kerian



Kategori Produk

- Thermal De-Polimerization Process of Plastic Waste Material - Syngas RE Sdn Bhd



Kategori Sekolah

- Fruity Loop - SK Tarcisan Convent, Ipoh, Perak



Kategori Akar Umbi

- Teknik Pengurusan Tanaman Padi Organik-Sri Lovely - Kampong Belantik, Mukim Sok, Kedah





10 Disember 2014, Seoul - Datuk Dr. Ewon Ebin menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Cybersecurity Malaysia (Dr Amirudin Abdul Wahab) dengan National Forensic Service (Joong Seok Seo) dalam bidang Forensik Digital



3 Disember 2014 , MIMOS – Lawatan oleh Canadian Wavefront M2M Mission ke MIMOS Berhad untuk memahami scenario M2M dan IoT di Malaysia



13 Nov 2014- Lawatan YB Timbalan Menteri & Perasmian Hari Inovasi Kimia Perak



5 November 2014 - Dato' Sri Dr. Noorul Ainur, Ketua Setiausaha membincarakan mengenai "Memasyarakatkan Sains, Teknologi dan Inovasi" dalam Program Dialog TVI.



10-12 Disember 2014 —Kumpulan Nano Semiconductor Technology (NST) MIMOS menyertai pameran semasa persidangan "23rd Scientific Conference of The Microscopy Society Malaysia" di Universiti Teknologi Petronas, Tronoh



18 Disember 2014—Majlis memeterai perkongsian perniagaan antara Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. dan Aryogen Biopharma untuk mengeluarkan produk biosimilar pertama buatan Malaysia untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Disaksikan Oleh :

MOSTI: YB Menteri, YB Timbalan Menteri
KKM: Timbalan Menteri Kesihatan, YB Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya



13 NOV 2014 - National ICT Security Discourse—CyberSAFE TM Challenge Trophy di Casuarina @Meru, Ipoh



30 November 2014—Datuk Dr. Abu Bakar Muhamad Diah, Timbalan Menteri, menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan Sepak Takraw Jabatan Kimia Malaysia 2014 yang berlangsung di Kompleks Sukan Balik Pulau, Pulau Pinang. Sebanyak 13 regu telah mengambil bahagian dalam kejohanan kali ini.



25 NOV 2014—Kunjungan Hormat TYT Mario Miyagami, Duta Japan ke MOSTI dan disambut oleh barisan Pengurusan Tertinggi MOSTI yang diketui sendiri oleh Datuk Dr. Ewon Ebin.



3-5 Disember 2014—Program Perancangan Strategik MOSTI 2015/2016 di Hotel Hatten, Melaka



30 Disember 2014 - MAMPU dan CyberSecurity Malaysia telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) berkaitan keselamatan siber (YBhg. Datuk Wira Omar bin Kaseh dan Dr. Amirudin bin Abdul Wahab)

LATIH AMAL TSUNAMI SANDAKAN 2014



Pada 22 November 2014 (Sabtu), Jabatan Meteorologi Malaysia bersama Majlis Keselamatan Negara dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sandakan telah mengadakan Program Latih Amal Tsunami di Daerah Sandakan. Majlis Perasmian Penutupan program ini telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB. Datuk Dr. Ewon Ebin.

Turut hadir ke majlis ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dato' Dr Mohd Azhar Hj. Yahaya, Ketua Pengarah MetMalaysia, Dato' Che Gayah Ismail, Ketua Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara, Lt. Kolonel Mohd Sakri Hussin, Ahli Parlimen Batu Sapi, YB. Datin Linda Tsen Thau Lin, Presiden Majlis Perbandaran Sandakan, Datuk Ir. Datuk James Wong, dan Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan, Tuan Haji Mohd Hamsan Haji Ag. Supain. Ketua-ketua jabatan peringkat persekutuan dan negeri, pengurus-pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Ketua-ketua Kampong berdekatan juga turut hadir semasa majlis penutupan Program Latih Amal ini.



MAJLIS APRESIASI JABATAN KIMIA MALAYSIA



Pada 17 Disember 2014, Majlis Apresiasi Jabatan Kimia Malaysia 2014 telah diadakan di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur. Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan barisan kepimpinan pengurusan utama Kementerian iaitu YBhg. Dato' Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan YBrs. Dr. Zulkifli bin Mohamed Hashim, Timbalan ketua Setiausaha (Sains), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Majlis Apresiasi ini dianjurkan bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan warga kerja Kimia sekali gus menyuntik semangat mereka untuk meneruskan kecemerlangan dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan. Selain itu, majlis ini turut meraikan para pegawai Jabatan Kimia Malaysia yang telah bersara pada tahun 2014.

PROGRAM **Kimia** KE DESA!

Program Kimia Ke Desa dirangka untuk memupuk minat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi khususnya dalam bidang sains kimia di kalangan masyarakat desa, terutama golongan belia dan pelajar. Selain itu, program ini juga memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peranan dan fungsi Jabatan Kimia Malaysia dalam membantu penguatkuasaan undang-undang dan memelihara kesejahteraan rakyat.

Sepanjang bulan November dan Disember, sebanyak tiga program telah berjaya dijalankan iaitu di Kampung Setia, Kuang, Selangor pada 14 - 16 November 2014, di Dewan Masyarakat Serian, Kuching, Sarawak pada 29 November 2014 dan di Kampung Ghaffar, Tanjung Sembrong (7), Batu Pahat, Johor pada 6 - 7 Disember 2014.



Aktiviti Kimia Ke Desa :

- ⇒ Ikon Kimia
- ⇒ Pertandingan *Crime Scene Investigation* (CSI)
- ⇒ Pameran Interaktif
- ⇒ Wacana Ilmu
- ⇒ Pertandingan *Kimia Hunt And Investigate*
- ⇒ Pameran Interaktif Kimia dan Agensi Kerajaan
- ⇒ Kuiz *Crime Scene Analysis* (CSA)
- ⇒ Aktiviti bersama masyarakat desa seperti gotong-royong dan senamrobiik



StAr Award 2014

Majlis Standards and Accreditation Awards 2014 (StAr Awards 2014) anjuran Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) telah berlangsung meriah di Hotel Bangi-Putrajaya pada 8 Disember 2014. Acara ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. StAr Awards 2014, sejak penganjurannya, menyokong peranan dan relevan standard dan akreditasi dalam kalangan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan seperti industri, kerajaan, pengawal selia dan juga rakyat.

Majlis anugerah ini juga bertujuan untuk mempamerkan syarikat-syarikat dan individu yang telah mencapai kecemerlangan (kedua-duanya daripada sudut kualiti dan perniagaan) melalui penggunaan Standard Malaysia (MS) dan Akreditasi atau menyumbang secara aktif dalam aktiviti standardisasi dan akreditasi.

Penganjuran tahun ini agak istimewa apabila satu pengiktirafan khas diadakan khusus untuk anak-anak muda Malaysia bagi mempromosikan kualiti kehidupan dan masa depan yang lebih baik. Empat kategori yang telah disampaikan adalah *Prestige Award*, *Standards Award*, *MS Users Award* dan ‘the 9th Annual Standards Olympiad’.



Pemberian Anugerah Khas kepada YBhg. Tan Sri Dato' Haji Ramli Kushairi



Dari kiri: Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) MOSTI, YBrs. Dr. Zulkifli bin Mohamed Hashim; Pengurusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia (MSDAM), Tan Sri Mustafa Mansur; Bekas Pengurusi Jawatankuasa Kebangsaan Standard (MyNSC), YBhg. Tan Sri Dato' Haji Ramli Kushairi (Penerima Anugerah Khas di Majlis StAr Awards); Timbalan Menteri MOSTI, YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, YBhg. Datuk Fadilah Baharin.





Perkukuh Teknologi Pengukuran



SIRIM Berhad, sebuah syarikat milik penuh kerajaan yang mempunyai pengalaman 40 tahun dalam penyelidikan perindustrian dan inovasi teknologi telah membangunkan anak syarikatnya yang kelima, SIRIM Measurements Technology (SMT) Sdn. Bhd. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 11 Disember 2014 di Pulau Pinang.

SMT akan menawarkan sokongan kepada industri teknologi di Malaysia dalam bidang teknologi pengujian dan pengukuran serta perkhidmatan kalibrasi dan pengujian, sejajar dengan kemajuan teknologi pengukuran di peringkat antarabangsa. Dengan kemudahan yang ada di SMT, Malaysia kini mempunyai keupayaan untuk menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan pengujian dan pengukuran terkini dengan sokongan Keysight Technologies, sebuah peneraju dalam teknologi pengukuran.

Dengan penubuhan SIRIM Measurements Technology, Kumpulan SIRIM kini mempunyai lima buah anak syarikat termasuk SIRIM QAS International yang memberikan perkhidmatan penentusan, pengujian dan pemeriksaan, SIRIM Training Services (latihan dan perundingan), SIRIM Standards Technology (kalibrasi) dan National Precision Tooling (syarikat khas [special purpose vehicle] untuk pembangunan industri tul, dai dan acuan automotif.)



BENGKEL LATIHAN BIOETIKA

Bahagian Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK) dan Majlis Bioetika Negara telah menganjurkan Bengkel Latihan Bioetika bersama Assisting Bioethics Committee (ABC) UNESCO Siri ke-2 bermula 25 hingga 28 November 2014 bertempat di Hotel Everly, Putrajaya. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur.

Bengkel ini diadakan dengan tujuan untuk memantapkan objektif penubuhan Majlis Bioetika Negara di samping meningkatkan tenaga kepakaran, sumber modal insan dan perkongsian ilmu pengetahuan dalam bidang bioetika bersama UNESCO. Melalui bengkel ini, peserta berpeluang untuk berinteraksi, bertukar fikiran dan pendapat serta berpeluang berbincang mengenai peranan, isu-isu semasa yang khusus berkaitan dengan bioetika.



Bioetika merupakan bidang yang melibatkan seluruh masyarakat dan merentasi dimensi budaya. Perkembangan sains dan teknologi serta kehebatan saintis menerokai penemuan-penemuan baru, telah mengakibatkan wujudnya isu-isu etika yang menimbulkan berbagai pandangan dan persepsi berbeza daripada masyarakat. Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai tanggungjawab sosial terhadap kesihatan, hak-hak dan maruah seorang pesakit dan penjagaan perlindungan hal-hal kerahsiaan pesakit.

FESTIVAL SAINS 2014



Festival Sains 2014 anjuran Pusat Sains Negara (PSN) telah berjaya menarik minat seramai hampir 25,000 pengunjung dengan menyediakan sebanyak 41 aktiviti yang menggalakkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan masyarakat.

Semua aktiviti STI tersebut telah dilaksanakan dalam pelbagai pendekatan seperti pameran bas bergerak, Program Ceramah (*Meet The Scientist*), NXT Challenge, *The Missing Golden Coin*, Giant Hot Air Balloon, Screaming Ice Cream, bengkel, Giant Bubbles, Selfie With Divers, Lets Investigate, Origami Challenge dan banyak lagi.

Buat julung kalinya Festival Sains 2014 telah dirasmikan secara serentak dengan pameran bertema terkini PSN iaitu '*Whodunit? Murder Mystery At Menagerie Park*' oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 24 November lalu.



Program Mesra Bersama Generasi Orang Asli



Pasukan Outreach Pusat Sains Negara (PSN) telah turun padang menjayakan program Mesra Bersama Generasi Orang Asli (MBGOA) di Kampung Bari, Johol, Negeri Sembilan, pada 13 Disember lalu. Program julung kali itu juga dijayakan bersama dengan gabungan 10 orang Felo Perdana 2014 di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan dan Alumni Mahasiswa Turun Parliment (MANTAP).

Pameran bas bergerak PSN atau lebih dikenali dengan nama *Science of Wheel* merupakan tarikan utama yang dibawakan kepada komuniti orang asli





TECHNOLOGY PARK
MALAYSIA

KARNIVAL COACHING AND MENTORING



"Acara ini adalah karnival bimbingan yang pertama yang pernah diadakan di negara ini. Idea mengadakan acara dalam persekitaran berbentuk karnival adalah untuk membolehkan semua yang hadir dapat berehat, memahami keperluan mereka dengan cara yang tidak formal, dan untuk membuka minda dan hati peserta untuk belajar dan memperolehi pengetahuan daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing."

usahawan dan perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kaedah pembangunan dan penyelesaian yang komprehensif dalam usaha mereka untuk memperoleh pengetahuan yang diperlukan untuk mendapat kelebihan daya saing.

Berucap pada pembukaan rasmi Karnival Coaching & Mentoring 2014, Pengurus TPM, Dato' Nasarudin Hashim berkata, sambutan hangat ini adalah petunjuk positif usahawan Malaysia untuk terus memperolehi pengetahuan tentang kaedah terkini untuk berada di hadapan pesaing mereka.

18 November – Karnival Coaching & Mentoring 2014 yang diadakan di Technology Park Malaysia (TPM) telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada lebih 500 peserta yang berminat dalam mencari penyelesaian ke arah peningkatan diri mereka dan transformasi perniagaan.

Dianjurkan oleh Pusat Inkubasi Inovasi TPM (IIC), karnival dua hari tersebut bertujuan menawarkan

TPM & JKM Perkuuh Pembangunan Dan Pengkomersilan Produk Inovasi

Technology Park Malaysia Corporation (TPM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menjalin kerjasama bagi memperkuuh dan menggalakkan pembangunan dan pengkomersilan produk inovasi yang dihasilkan. Majlis pertukaran dokumen MoU tersebut telah berlangsung pada 18 November 2014 sempena Hari Inovasi JKM 2014 di Auditorium Enterprise 4, TPM yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datin Paduka Chew Mei Fun. TPM telah diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Haji Mohd Azman Haji Shahidin.

Kerjasama tersebut memerlukan JKM untuk mengenalpasti produk inovasi yang dihasilkan oleh usahawan mereka untuk dijadikan sebagai produk yang dibangunkan oleh TPM. Dalam pada itu, TPM akan memberikan latihan kepada peserta dalam menghasilkan produk inovasi, memberi bimbingan dalam penyediaan konsep dan rekabentuk produk serta memberi khidmat rundingan berkaitan penyediaan prototaip bagi produk inovasi yang dihasilkan peserta.

Dato' Ir. Azman berkata kerjasama itu adalah tepat pada masanya kerana ia akan membolehkan usahawan yang berminat untuk meningkatkan kemahiran dan produktiviti serta bersedia untuk aktiviti pengkomersilan R&D.



MOSTI

Terokai Ekosistem GERBANG TEKNOLOGI



MOSTI telah melangkah ke hadapan dan menerokai ekosistem yang lengkap di gerbang teknologi yang bermula dengan aspek pembudayaan sains, pembangunan perkhidmatan yang berteraskan teknologi, pemantauan dan kawalan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited dengan tanggungjawab membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi dalam kalangan rakyat malaysia. Kali ini, Parit Buntar, Perak dijadikan tapak penganjuran Program Kreativiti & Science4U. En. Kamel bin Mohamad, Setiausaha Bahagian Kanan (Perancangan) telah mewakili Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merasmikan program tersebut yang berlangsung pada 7 November 2014.



Dalam ucapannya yang dibacakan oleh En. Kamel, Datuk Dr. Ewon Ebin menyatakan bahawa dalam usaha mengarusperdanakan kreativiti dan inovasi, MOSTI telah melangkah ke hadapan dan menerokai ekosistem yang lengkap di gerbang teknologi yang bermula dengan aspek pembudayaan sains, pembangunan perkhidmatan yang berteraskan teknologi, pemantauan dan kawalan.



Menurutnya lagi, pembangunan dan kemajuan teknologi yang kita nikmati pada hari ini adalah bermula dengan pembudayaan dan kesedaran sains dan inovasi yang dihasilkan secara turun-temurun dan evolusi yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat oleh kerajaan melalui sistem pendidikan dan pembangunan sosioekonomi negara.



SMK Panglima Bukit Gantang yang merupakan tapak projek telah menerima kungungan warga MOSTI yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi telah mengadakan pameran dan demostrasi sains kepada pengunjung di sekolah berkenaan. Perkongsian dan penyerbaran ilmu sains, teknologi dan inovasi menerusi program seumpama ini mengukuhkan lagi peranan MOSTI dalam mengaplikasikan pembelajaran dan peranan komuniti sebagai agen sosioekonomi yang menentukan kejayaan masa depan negara.